



BAYI yang terkena jangkitan virus Zika semasa di dalam kandungan boleh menyebabkan mereka dilahirkan cacat kerana otak kecil.

# Akibat Zika lebih teruk berbanding demam denggi

Kosmo  
31/9/2016  
ms 6

IPOH - Penularan virus Zika di Malaysia sukar dibendung disebabkan sikap rakyat yang kurang kesedaran terhadap pencegahan pembiakan nyamuk aedes, kata Ketua Jabatan Pediatrik Hospital Raja Permaisuri Bainun, Datuk Dr. Amar Singh.

Beliau berkata, keadaan itu diburukkan lagi dengan keadaan cuaca panas dan kering di Malaysia yang mengalakkan nyamuk aedes yang juga pembawa demam denggi mudah membiak berbanding negara lain yang mempunyai musim sejuk.

"Selain itu, kesan jangkitan terlalu biasa seperti demam, sakit otot, sakit sendi, sakit kepala, konjunktivitis serta ruam sehingga ada yang tidak sedar mereka dijangkiti Zika.

"Begitu juga dengan ibu mengandung, mereka tidak sedar dijangkiti sehinggalah bila bersalin, anak yang dilahirkan nanti akan mempunyai masalah kepala atau otak kecil.

"Bukti semasa menunjukkan bahawa di antara 15 hingga 20 ibu hamil yang dijangkiti akan mempunyai bayi dengan kerosakan otak terutama pada awal kehamilan," katanya di sini semalam.

Amar yang juga Presiden Majlis Intervensi Awal Kanak-Kanak Kebangsaan berkata, walaupun demam denggi boleh membawa maut, namun jika mendapat rawatan sewajarnya, pesakit boleh sembuh dan menjalani kehidupan seperti biasa tetapi berbeza dengan Zika.

"Zika menyebabkan kecacatan yang ketara, terutama kepada kanak-kanak dan jika pembiakan nyamuk aedes masih gagal ditangani, ramai kanak-kanak di Malaysia berisiko mendapat jangkitan," kata beliau.

Tambahnya, jangkitan Zika juga sukar dibendung kerana ia sejenis virus baharu dan setakat ini tiada ubat untuk merawatnya, malah penghasilan vaksin mungkin mengambil masa yang agak lama. - Bernama